KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN
# PEMANTAUAN MEDIA
# KPWKM

**LAPORAN HARIAN AHAD, 17 OGOS 2025**



JKM JPW LPPKN ISM LKM YKN TAGS




17/8/2025

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 1 | **ISU BULI BOLEH DIBAWA KE KABINET** | | POSITIF |
| | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/isu-buli-boleh-dibawa-ke-kabinet | BERITA.RTM.GOV.MY | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/08/1433924/perkembangan-kes-buli-beri-idea-baharu-tambah-baik-undang-undang | BHARIAN.COM.MY | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/743744/berita/nasional/kerajaan-sedia-teliti-undang-undang-tangani-isu-buli---nancy | SINARHARIAN.COM.MY | |
| | https://suarasarawak.my/tambah-baik-undang-undang-sedia-ada-berkaitan-buli-nancy/ | SUARASARAWAK.MY | |
| | https://www.utusanborneo.com.my/2025/08/16/undang-undang-sedia-ada-mungkin-boleh-ditambah-baik-untuk-tangani-isu-buli-nancy | UTUSANBORNEO.COM.MY | |
| | https://www.theborneopost.com/2025/08/16/nancy-zara-qairina-case-a-reminder-to-strengthen-child-protection-combat-bullying/ | THEBORNEOPOST.COM | |
| | https://thesun.my/malaysia-news/govt-considers-stronger-laws-to-tackle-bullying-cases-in-malaysia-GK14696198 | THESUN.MY | |
| | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/08/16/no-new-law-yet-but-nancy-calls-for-possible-strengthening-of-anti-bullying-measures/187873 | MALAYMAIL.COM | |
| | https://www.thevibes.com/articles/news/111639/existing-laws-sufficient-to-address-bullying-says-minister | THEVIBES.COM | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kerajaan-sedia-teliti-undangundang-tangani-isu-buli-nancy-534467 | ASTROAWANI.COM | |
| | https://www.bernama.com/en/news.php/?id=2457304 | BERNMA.COM | |
| | https://www.nst.com.my/news/nation/2025/08/1260946/government-open-reviewing-laws-bullying-says-minister | NST.COM.MY | |
| | https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2457303 | BERNMA.COM | |
| | https://www.malaysiakini.com/news/752477 | MALAYSIAKINI.COM | |
| | https://www.youtube.com/watch?v=FaTyHiIRup8 | YOUTUBE | |




17/8/2025

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 2 | **FEDERAL MINISTER CALLED FOR STUDENTS TO REPORT BULLIES TO AUTHORITIES REGARDLESS OF RANK** | | POSITIF |
| | https://thesun.my/malaysia-news/federal-minister-called-for-students-to-report-bullies-to-authorities-regardless-of-rank-HK14694982 | THESUN.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 3 | **PROGRAM ADVOKASI PERLINDUNGAN KANAK-KANAK, PERKASA SUARA YANG TERTINDAS** | | POSITIF |
| | https://www.tvsarawak.my/2025/08/16/program-advokasi-perlindungan-kanak-kanak-perkasa-suara-yang-tertindas/ | TVSARAWAK.MY | |
| | https://www.theborneopost.com/2025/08/16/nancy-1443-child-related-cases-recorded-in-sarawak-last-year/ | THEBORNEOPOST.COM | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 4 | **KASIHNITA LAUNCHED IN SARAWAK TO SUPPORT SINGLE MUMS CLAIMING CHILD MAINTENANCE** | | POSITIF |
| | https://www.theborneopost.com/2025/08/16/kasihnita-launched-in-sarawak-to-support-single-mums-claiming-child-maintenance/ | THEBORNEOPOST.COM | |
| | https://www.utusanborneo.com.my/2025/08/16/program-kasihnita-dikerembai-ke-sarawak-kuching-endur-keterubah | UTUSANBORNEO.COM.MY | |
| | https://suarasarawak.my/program-kasih-ibu-tunggal-berani-tuntut-hak-berkaitan-nafkah-anak/ | SUARASARAWAK.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 5 | **NANCY SHUKRI: STRONGER REPRODUCTIVE HEALTH EDUCATION NEEDED TO CURB TEENAGE PREGNANCIES** | | POSITIF |
| | https://www.theborneopost.com/2025/08/16/nancy-shukri-stronger-reproductive-health-education-needed-to-curb-teenage-pregnancies/ | THEBORNEOPOST.COM | |

17/8/2025

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| | https://suarasarawak.my/perluas-peers-pendedahan-kesihatan-reproduktif-kepada-pelajar/ | SUARASARAWAK.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 6 | **PROGRAM GEMPAK INSPIRASI MEDIUM PERKASA KOMUNITI** | | POSITIF |
| | https://www.tvsarawak.my/2025/08/16/program-gempak-inspirasi-medium-perkasa-komuniti/ | TVSARAWAK.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 7 | **TABIKA TUNAS ISTIMEWA@KEMAS PERKUKUH PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK** | | POSITIF |
| | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/tabika-tunas-istimewa-kemas-perkukuh-pendidikan-awal-kanak-kanak | BERITA.RTM.GOV.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 8 | **549 KANAK-KANAK BAWAH 6 TAHUN DI MELAKA DIDIAGNOS AUTISME** | | NEUTRAL |
| | https://www.melakahariini.my/549-kanak-kanak-bawah-6-tahun-di-melaka-didiagnos-autisme/ | MELAKAHARIINI.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 9 | **KERAJAAN NEGERI AKAN BANTU KELUARGA MAT SENTUL** | | POSITIF |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/08/1252852/kerajaan-negeri-akan-bantu-keluarga-mat-sentul | HMETRO.COM.MY | |




17/8/2025

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 10 | **'SETIAP MALAM TIDUR DALAM KETAKUTAN' - WANITA KONGSI PENGALAMAN DIBULI 20 TAHUN LALU** | | **NEGATIF** |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/743675/berita/nasional/setiap-malam-tidur-dalam-ketakutan---wanita-kongsi-pengalaman-dibuli-20-tahun-lalu | SINARHARIAN.COM.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 11 | **KERANA TERDESAK, IBU MINTA ANAK JUAL TISU DEMI KELANGSUNGAN HIDUP** | | **NEGATIF** |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/08/1252914/kerana-terdesak-ibu-minta-anak-jual-tisu-demi-kelangsungan-hidup | HMETRO.COM.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 12 | **LELAKI INTAI WANITA DALAM TANDAS DIDENDA** | | **NEGATIF** |
| | https://www.dailyexpress.com.my/news/264714/lelaki-intai-wanita-dalam-tandas-didenda/ | DAILYEXPRESS.COM.MY | |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | BULI: UNDANG-UNDANG SEDIA ADA MUNGKIN BOLEH DITAMBAH BAIK | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 17 OGOS 2025 | M/SURAT | : | 03 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Buli: Undang-undang sedia ada mungkin boleh ditambah baik

## Ia harus dipertimbang susulan perkembangan semasa: Nancy

Oleh Jessica Jawing

**KUCHING: Meskipun kesalahan buli telah termaktub dalam Kanun Keseksaan sebagai satu kesalahan jenayah, ia mungkin boleh dipertimbangkan untuk penambahbaikan dengan mengambil kira perkembangan semasa.**

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Dato Sri Nancy Shukri berkata, walaupun buat masa ini belum ada keperluan untuk menggubal akta baharu berkaitan isu buli, tetapi ia mungkin boleh ditambah baik jika ada keperluan dari semasa ke semasa.

"Kesalahan buli sudahpun termaktub dalam Kanun Keseksaan sedia ada dan dianggap sebagai satu jenayah, yang turut memperuntukkan hukuman termasuk denda sehingga RM3,000 terhadap pelaku.

"Ia merupakan satu kesalahan jenayah dan ada hukumannya.

"Jadi setakat ini mungkin belum lagi ada keperluan diwujudkan undang-undang baharu, kecuali jika ada keperluan untuk penambahbaikan dengan mengambil kira perkembangan semasa," ujarnya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas merasmikan Program Gempak Inspirasi@Sepagi bersama PPWS (Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak) di Wisma SABATI di sini, semalam.

Ahli Parlimen Santubong itu berkata, kes buli yang berlaku baru-baru ini mungkin boleh menjadi iktibar kepada kerajaan untuk membuat penambahbaikan dalam akta berkenaan.

Namun demikian, Nancy menjelaskan bahawa kementerian beliau bukan pihak yang bertanggungjawab secara langsung terhadap penggubalan undang-undang berkaitan.




**APA KHABAR?: Nancy bersalaman dengan peserta yang hadir memeriahkan Program Gempak Inspirasi@Sepagi bersama PPWS yang diadakan di Wisma SABATI di Kuching, semalam.** — Gambar Penerangan

"Sebarang pendakwaan terhadap kesalahan itu adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Peguam Negara (AGC) dan bukannya Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

"Kementerian saya serta KPM tidak mendakwa, namun perkara ini boleh dibincangkan dalam mesyuarat Kabinet sekiranya wujud keperluan," jelasnya.

Sementara itu mengenai isu kehamilan remaja, Nancy berkata ia merupakan masalah di seluruh negara yang memerlukan pendekatan menyeluruh, dengan memberi tumpuan kepada pendidikan kesihatan seksual dan reproduktif serta penglibatan ibu bapa.

"Kita ada program Pekerti (Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial) yang memberi pendedahan tentang kesihatan seksual dan reproduktif kepada pelajar serta ibu bapa supaya mereka lebih maklum mengenai perkara ini.

"Pada 2020, kita telah bekerjasama dengan Tabung Penduduk Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNFPA) dalam satu kajian yang menunjukkan pendidikan kesihatan reproduktif mampu mengurangkan kehamilan remaja sehingga 49 peratus, atau kira-kira 1,800 kelahiran dalam tempoh lima tahun," katanya.

Nancy menjelaskan kebanyakan kes remaja hamil dilaporkan melalui Kementerian Kesihatan dan beliau percaya mungkin banyak kes yang tidak dilaporkan.

"Sebab itu, sebagai kementerian, kami sentiasa bertindak secara proaktif.

"Setiap program yang kita anjurkan bersama masyarakat dilakukan dengan kerjasama pelbagai agensi bagi memberi pendidikan khususnya kepada ibu bapa dan pelajar di sekolah tentang kesihatan reproduktif," katanya.

> "Jadi setakat ini mungkin belum lagi ada keperluan diwujudkan undang-undang baharu, kecuali jika ada keperluan untuk penambahbaikan dengan mengambil kira perkembangan semasa."
>
> **Dato Sri Nancy Shukri**
> *Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat*

| | | | |
|---|---|---|---|
| TAJUK : | STRENGTHEN EXISTING LAWS TO ADDRESS BULLYING, SAYS NANCY | | |
| HARI : | AHAD | AKHBAR : | SUNDAY STAR |
| TARIKH : | 17 OGOS 2025 | M/SURAT : | 09 |
| TONE : | POSITIF | SEKTOR : | KPWKM |

# Strengthen existing laws to address bullying, says Nancy

PETALING JAYA: A review should be done to strengthen existing laws to address bullying, says Datuk Seri Nancy Shukri (*pic*).



The Women, Family and Community Development Minister said that although the task of amending laws does not come under her purview, she is prepared to discuss the matter with the relevant agencies.

"There may not be a need to enact a new law.

"However, in light of recent bullying cases, it may give us new ideas to explore possible improvements to existing laws," she told reporters after attending the Gempak Inspirasi @ Sepagi Bersama PPWS 2025 Programme yesterday.

Nancy said the matter would be raised during the Cabinet meeting, Bernama reported.

The minister was responding to calls from Gerakan Gubal Akta Anti Buli (GAB) for the government to introduce a specific law to comprehensively address bullying.

On the need for a specific law, Nancy said that there is no need for a new law as bullying is already covered under the Penal Code (Amendment) Act 2025 and the Criminal Procedure Code (Amendment) Act 2025.

Meanwhile, the Education Ministry announced the setting up of a committee to improve safety in all educational institutions.

Dubbed the Safety and Education Institutional Reforms Committee, it held its first meeting on Friday and immediately outlined a clear direction and a comprehensive action plan to be implemented in stages with regard to the reforms.

"The committee was set up specifically to deal with issues that may arise while coming up with the appropriate resolution framework to ensure the safety and the well-being of students, teachers and those in the education community," the ministry said in a statement on its Facebook account yesterday.

The setting up of the committee follows the widely reported death of Form One student Zara Qairina Mahathir.

Zara Qairina's body was exhumed 23 days after burial to facilitate a renewed investigation.

The committee comprises academicians, representatives from non-governmental organisations, experts, relevant agencies and the private sector.

Meanwhile, Minister in the Prime Minister's Department (Religious Affairs) Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar said that a whole of nation approach must be taken to put a stop to bullying.

"All Malaysians must unite and work together to address the issue."




| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 'TAMBAH BAIK UNDANG-UNDANG SEDIA ADA ATASI BULI' | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | BERITA HARIAN AHAD |
| TARIKH | : | 17 OGOS 2025 | M/SURAT | : | 09 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# 'Tambah baik undang-undang sedia ada atasi buli'

**Kuching:** Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri mengakui kemungkinan untuk menambah baik undang-undang sedia ada bagi menangani isu buli.

Beliau berkata, ia mengambil kira perkembangan semasa, termasuk apa yang berlaku ketika ini yang mungkin boleh memberi idea baharu kepada penambahbaikan perundangan.

Katanya, jika ada keperluan selepas mengambil kira situasi terkini, mungkin undang-undang sedia ada perlu ditambah baik.

"Bagaimanapun, kementerian ini bukan pihak yang bertanggungjawab secara langsung terhadap penggubalan undang-undang, sebaliknya perkara itu berada di bawah bidang kuasa Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) Jabatan Perdana Menteri.

"Namun, kami boleh memberi cadangan atau idea dalam perbincangan Kabinet jika ada perkara perlu dibangkitkan berkaitan isu buli ini," katanya ketika ditemui selepas Program Gempak Inspirasi @Sepagi Bersama Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak (PPWS), di sini, semalam.

Kelmarin, Gerakan Gubal Akta Anti Buli (GAB) menggesa kerajaan menggubal akta antibuli yang merangkumi takrifan buli, elemen kesedaran dan pencegahan serta prosedur aduan.

Pengerusinya, Wan Azliana Wan Adnan dilapor berkata, ketika ini kesalahan buli tidak mempunyai takrifan dan hukuman spesifik di bawah mana-mana peruntukan undang-undang, sebaliknya mengguna pakai Kanun Keseksaan dan Akta Kanak-Kanak 2001 yang tidak mencukupi melindungi mangsa, sama ada kanak-kanak mahupun orang dewasa.

Dalam pada itu, Nancy berkata, setakat ini belum ada keperluan untuk mewujudkan undang-undang baharu bagi menangani isu buli kerana peruntukan berkaitan kesalahan itu sudah pun termaktub dalam Kanun Keseksaan.

Meskipun kes buli semakin mendapat perhatian, katanya, tindakan undang-undang terhadap pelaku tetap boleh diambil berdasar peruntukan sedia ada tanpa perlu mewujudkan akta baharu.

Beliau berkata, Kanun Keseksaan sudah menyatakan buli satu kesalahan jenayah dan menetapkan penalti terhadap pelaku.

"Kalau tidak ada peruntukan itu, kita tidak boleh kenakan hukuman dan Kanun Keseksaan memperuntukkan hukuman denda sehingga RM3,000 bagi kesalahan berkaitan buli, sekali gus membuktikan bahawa mekanisme perundangan sedia ada masih relevan dan boleh digunakan.

"Setakat ini, belum ada keperluan menggubal undang-undang baharu dan apa yang penting ialah pelaksanaan dan penguatkuasaan yang tegas," katanya.

Beliau turut menegaskan kepentingan semua pihak, termasuk ibu bapa, institusi pendidikan dan masyarakat untuk memainkan peranan dalam membendung isu buli daripada terus berleluasa.




*Nancy merasmikan Program Gempak Inspirasi @Sepagi Bersama Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak di Kuching, semalam.*
(Foto Mohd Roji Kawi/BH)

# Isu buli boleh dibawa ke Kabinet

Nasional - Dicipta: 16 Ogos 2025 06:30 PM




*Datuk Seri Nancy Shukri, menegaskan kuasa menggubal undang-undang bukan di bawah bidang kuasa kementeriannya.*

***KUCHING, 16 Ogos*** - Perbincangan berhubung isu buli boleh dicadangkan untuk dibawa ke peringkat Kabinet Persekutuan.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri, bagaimanapun menegaskan kuasa menggubal undang-undang bukan di bawah bidang kuasa kementeriannya.

Beliau berkata undang-undang sedia ada sudah memperuntukkan perbuatan buli sebagai kesalahan jenayah yang boleh dikenakan hukuman termasuk denda sehingga RM3,000.

"Buli ini terletak di bawah bidang kuasa undang-undang, bukan kementerian saya. Namun, kami boleh bincang perkara ini bersama di peringkat Kabinet," katanya.

Datuk Seri Nancy berkata demikian selepas merasmikan Program Gempak Inspirasi @ Sepagi Bersama Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak (PPWS) 2025 di Wisma Sabati, Kuching, hari ini.

# Federal Minister called for students to report bullies to authorities regardless of rank

Joseph Peter

*2025-08-16 02:06 PM*



*Minister for Women, Family and Community Development Datuk Nancy Shukri. Bernamapix*

**KUCHING**: Report your seniors, wardens and teachers to the highest level, if found to be involved in bullying, said Federal Minister for Women, Family and Community Development Datuk Nancy Shukri today.

She said bullying or ragging among students has become increasingly worrying problems at all levels of education in the country, as it is happening not just in schools, but also in colleges and universities.

The recent tragic case involving Zara Quirina is a warning that government authorities, educational institutions and society at large must do more to put a stop to these victimisations, she said.

"There are students who call it ragging, and some try to normalise it but nonetheless, it is the same as bullying and it cannot be tolerated. The actions and the subsequent impacts on victims are very serious and harmful. The physical and emotional scars can result in consequences that can last many years, even last a lifetime and there have been cases of suicides and attempted suicides by victims." Nancy said.

She also said there were victims who suffered depression and other mental disorders as a result of what they suffered in the bullying-ragging during their study years.

"That is why we society cannot stay silent. We must try to put an end to such bullying-ragging in schools and institutions of higher learning as all students have a right to study without being fearful or afraid of physical harm and emotional intimidation," she said.

Nancy was speaking at a community programme on advocating protection for children held in Kuching today. She urged awareness campaigns on protection of children, students and the young must be stepped up at all levels.

"Victims who suffer from such abuses must be given adequate avenues to seek immediate help," she said.

Enforcement authorities and the management of educational institutions must react swiftly to help victims and identify the bullies and take very strict punitive actions, she added.

Nancy said her ministry also has a hotline Talian Kasih at 15999 for victims to report such cases for help. "Victims must not suffer in silence," she added.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | SETIAP KANAK-LKANAK PERLU TAHU HAK MEREKA DIHORMATI | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 17 OGOS 2025 | M/SURAT | : | 03 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |




**TANGANI BERSAMA:** Nancy (empat kiri) menurunkan tandatangan di atas sepanduk 'Hentikan Keganasan Terhadap Kanak-Kanak' pada program tersebut.

# Setiap kanak-kanak perlu tahu hak mereka dihormati

**KUCHING:** Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) mahu setiap kanak-kanak mengetahui bahawa hak mereka dihormati dan mempunyai keterjaminan kesejahteraan dalam segala aspek kehidupan.

Demikian menurut Menterinya Dato Sri Nancy Shukri ketika berucap pada Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak: Kasih Kanak-Kanak Bersama Kelab Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) 2025 di sini, semalam.

"(Program) ini merupakan salah satu usaha kolektif KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Sarawak dalam memastikan suara kanak-kanak didengari.

"Mereka semua perlu tahu bahawa orang lain tidak mempunyai kuasa untuk mendera atau melakukan sesuatu yang tidak baik seperti membuli," katanya pada program yang berlangsung di Dewan Utama (Balai Budaya) Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Cawangan Sarawak, di sini.

Seramai 200 ahli PRS daripada tujuh sekolah di bawah Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Samarahan dan Serian hadir pada program tersebut.

Nancy berkata, PRS yang ditubuhkan di sekolah-sekolah, bukan sekadar sebagai seorang kawan untuk mendengar masalah, tetapi juga 'mata' dan penyampai maklumat serta ejen pelindung kepada rakan-rakan sebaya.

"Saya percaya kesedaran dan empati mereka sebagai pemimpin di sekolah dapat mewujudkan persekitaran yang lebih selamat untuk semua.

"Bagaimanapun, perbualan antara mangsa dan ahli PRS perlulah dirahsiakan sebagai menyokong kepada kesihatan mental mereka daripada turut terjejas.

"Namun, ahli PRS juga perlu diingatkan agar sentiasa memantau dan melihat sekeliling kerana mereka bertanggungjawab untuk bertindak jikalau berlaku sesuatu," tambahnya.

Sementara itu, Nancy berkata, majlis itu mempunyai tiga tujuan utama iaitu membekalkan ahli PRS dengan ilmu dan kemahiran bagi membantu rakan-rakan yang berdepan dengan masalah mental sosial atau emosi.

"Keduanya, mempersiapkan ahli PRS menghadapi cabaran dunia digital termasuk pembulian siber akibat ketagihan dengan peranti dan maklumat palsu.

"Seterusnya, memastikan ahli PRS tahu cara untuk bertindak sekiranya mangsa memerlukan perlindungan, termasuk mengenal pasti tanda-tanda gangguan emosi serta menyalurkan aduan yang betul dan bertindak secara beretika demi keselamatan rakan-rakan," jelasnya.

Beliau mendedahkan, statistik JKM Sarawak bagi tahun 2024 menunjukkan sebanyak 1,443 kes berkaitan kanak-kanak telah direkodkan di seluruh Sarawak.

Angka ini bukan sekadar statistik tetapi realiti sebenar kehidupan kanak-kanak yang terdedah kepada pelbagai bentuk risiko sosial dan perlindungan, ujar beliau.

"Daripada jumlah tersebut, 574 kes memerlukan pemeliharaan dan perlindungan di bawah Seksyen 17 Akta Kanak-Kanak 2001 iaitu akta untuk melindungi mereka.

"Selain itu, 364 kes melibatkan kehamilan luar nikah semasa masih bersekolah yang akan menjejaskan masa depan mereka.

"Kita juga ada 306 kes yang terlibat dalam jenayah seperti mencuri topi keledar, mencuri lampu, mencuri dalam masjid dan banyak kes lain.

"Sebanyak 53 kes jenayah lain sukar untuk dikawal, kemungkinan disebabkan penyakit tetapi tidak diketahui oleh orang sekeliling seperti ADHD misalnya.

"Manakala, 36 kes memerlukan perlindungan segera atas sebab-sebab tertentu," kata Nancy.




| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | '1,443 CHILD-RELATED CASES RECORDED IN S'WAK IN 2024' | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | THE SUNDAY POST |
| TARIKH | : | 17 OGOS 2025 | M/SURAT | : | 04 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# '1,443 child-related cases recorded in S'wak in 2024'



Jude Toyat
judetoyat@theborneopost.com

**KUCHING: A total of 1,443 child-related cases were recorded across Sarawak last year, said Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri.**

Citing statistics from the Sarawak Welfare Department, she said the figures reflected the real-life challenges faced by children exposed to social risks and protection issues.

"Out of this total, 574 cases involved children requiring care and protection under Section 17 of the Child Act 2001, 364 cases related to out-of-wedlock pregnancies, 306 cases involved children engaged in criminal activities, 53 cases involved uncontrollable children, and 36 cases required immediate protection due to urgent circumstances," she said when officiating at the 'Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak: Kasih Kanak-Kanak Bersama Kelab Pembimbing Rakan Sebaya (PRS)' at the Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Sarawak here yesterday.

Nancy said cases involving children in criminal activities included thefts of helmets, mobile phones, money, and even items from mosques.

On PRS – the peer guides or counsellors at school - the Santubong MP regarded them as playing a vital role in early detection of abuse, neglect, bullying, or emotional distress among the students.

"In schools, PRS are not just 'friends who listen to problems'. They are the eyes and ears, the information channels, and the protective agents for their peers."

In this respect, Nancy said the advocacy programme meant to equip PRS members with skills to support peers facing mental, social, or emotional problems; prepare them for digital challenges such as cyberbullying and gadget addiction; and guide them on the correct channels to act when protection is needed.



Nancy signs a banner at the event, as a show of support for the campaign on ending violence against children. — Information Department photo

The minister also commended the collaboration with DBP Sarawak, noting that this was the first time the programme was held together with PRS at the state level.

Also present were DBP Sarawak director Dr Azizul Ismail, Sarawak Welfare Department deputy director Mohd Ali Taib, Yayasan Kebajikan Negara chief executive officer Nordina Haron, and Malaysian Social Institute director Norhaslinda Mohd Sibi.

Meanwhile, Nancy regarded the case of Zara Qairina as 'a point of reference for society in strengthening child protection and raising awareness against abuse and bullying'.

"I believe many of you have followed the developments in the case.

"That case serves as a guide for us. However, we cannot make judgements yet as the decision has not been obtained from the relevant authorities.

"Still, it remains a point of reference for all of us," she said.

She also reminded students not to be influenced by unverified information circulating online.

"Do not spread false stories or information. The Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC) can act. Even if someone uses an overseas account, eventually they can still be tracked down," she said.

Recalling her own student days, Nancy said ragging was often normalised, but pointed out that it was also a form of bullying.

"I was lucky because I could sing, so they only asked me to sing.

"At the time, I thought they wanted to hear me sing, but actually that was also bullying. The methods might be different, but it's still bullying," she said.

"Bullying cases have the potential to threaten lives, and it is no longer an isolated issue that can be taken lightly.

"The effects can last a lifetime, causing trauma, depression, loss of confidence, and even leading to attempted suicide," she said.

She called on students to be courageous in reporting bullying incidents.

"Have the courage to speak up. If your seniors order you to do something, report to the warden. If the warden doesn't listen, report to your teacher.

"If you still don't dare, remember to call our Talian Kasih 15999.

"Do not remain silent. Your action today can save someone's



Dato Sri Nancy Shukri merasmikan Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak: Kasih Kanak-Kanak bersama Kelab Pembimbing Rakan Sebaya di Kuching pada Sabtu. Foto TVS

# Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak, perkasa suara yang tertindas

*By TVS* **#bm, Berita Sarawak** **August 16, 2025** **11:09 AM**

KUCHING, 16 Ogos: Perjuangan menentang penderaan, pengabaian atau eksploitasi terhadap kanak-kanak merupakan misi utama Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak: Kasih Kanak-Kanak bersama Kelab Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) Peringkat Sarawak yang diperkasakan bersama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM).

Menterinya, Dato Sri Nancy Shukri berkata, program ini turut dijadikan wadah untuk meningkatkan kefahaman dan kesedaran dalam kalangan kanak-kanak, ibu bapa dan komuniti mengenai isu pemeliharaan serta perlindungan golongan sasaran menerusi intervensi PRS.

"Berdasarkan data yang dikemukakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Sarawak (JKMS) bagi tahun 2024, sebanyak 1,443 kes berkaitan kanak-kanak telah direkodkan di seluruh Sarawak.

"Daripada jumlah ini, 574 kes yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan di bawah Seksyen 17 Akta Kanak-Kanak 2001, 364 kes kehamilan luar nikah, 306 kes keterlibatan jenayah, 56 kes kanak-kanak tidak terkawal dan 36 kes kanak-kanak yang memerlukan perlindungan segera," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis perasmian Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak: Kasih Kanak-Kanak bersama Kelab Pembimbing Rakan Sebaya di Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak di sini, hari ini.

Seramai 300 peserta menyertai program yang dianjurkan selama sehari ini dan para peserta akan didedahkan dan mengupas isu-isu berkaitan jenayah siber, jenayah seksual serta cara mendepaninya, selain berbicara tentang topik hak kanak-kanak yang begitu signifikan pada masa kini.

Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak: Kasih Kanak-Kanak ini merupakan buah fikiran KPWKM yang dilaksanakan sejak April lalu dan program ini akan dilaksanakan secara berperingkat di 300 sekolah dan 30 Pusat Aktiviti Kanak-Kanak di seluruh negara tahun ini.-TVS

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | KASIHNITA PROGRAMME LAUNCHED IN SARAWAK TO SUPPORT SINGLE MUMS | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR : | THE SUNDAY POST |
| TARIKH | : | 17 OGOS 2025 | M/SURAT : | 05 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR : | KPWKM |

# KasihnITa programme launched in Sarawak to support single mums

**KUCHING:** The Ministry of Women, Family and Community Development (KPWKM) has launched its Kasih Ibu Tunggal (KasihnITa) programme in Sarawak, starting with Kuching, to assist single mothers in claiming court-ordered child maintenance.

Minister Datuk Seri Nancy Shukri said the initiative is aimed at supporting single mothers in pursuing the legal process to claim child maintenance, especially in cases where former spouses fail to fulfil their obligations.

"Many single mothers are unaware of the proper channels to seek child support. With KasihnITa, we are providing guidance and support to help them claim their children's rights," she said.

She was speaking to reporters after officiating the 'Inspiring Impact Programme @ A Morning with PPWS' event organised by the Federation of Sarawak Women's Associations (PPWS) in collaboration with KPWKM at Wisma Sabati here yesterday.

Nancy said the KasihnITa programme is built around three main modules: legal literacy, financial management, and self-development, aimed at equipping single mothers with the tools to become more resilient and independent.

"The programme has already started in Kuala Lumpur and will be gradually introduced across the country. Our aim is to ensure single mothers everywhere can access justice and safeguard their children's welfare," she added.

Reflecting on her recent working visit to South Korea, Nancy shared her observations of successful practices that could be adopted in Malaysia, particularly the use of technology to empower women.

"We want more women in Malaysia to embrace technology, including artificial intelligence (AI). At the same time, parents must supervise their children's use of gadgets to ensure AI is utilised positively. We cannot avoid the AI era, but we can learn and use it wisely to improve our quality of life," she said.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PROGRAM KASIHNITA DIPERLUAS KE KUCHING, BANTU IBU TUNGGAL TUNTUT NAFKAH DARIPADA BEKAS SUAMI | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 17 OGOS 2025 | M/SURAT | : | 03 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Program KasihnITa diperluas ke Kuching, bantu ibu tunggal tuntut nafkah daripada bekas suami

**KUCHING:** Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) kini memperluaskan Program Kasih Ibu Tunggal (KasihnITa) ke Sarawak dengan Kuching sebagai lokasi pertama.

Menterinya Dato Sri Nancy Shukri berkata, program berkenaan memberi tumpuan khusus kepada isu kegagalan bekas suami menunaikan nafkah terhadap bekas isteri seperti yang diperintahkan oleh mahkamah.

Menurut beliau, Kuching menjadi lokasi pertama pelaksanaan inisiatif itu sebelum diperluaskan ke kawasan lain termasuk Miri serta negeri-negeri lain mengikut zon yang telah dikenal pasti.

"Kita akan meneruskan usaha membantu ibu tunggal ke mahkamah untuk menuntut nafkah anak mereka menerusi bantuan ini.

"Ramai ibu tunggal tidak tahu cara atau saluran untuk menuntut nafkah anak mereka. Jadi, kita mulakan projek perintis ini di Kuching dan ia akan diteruskan ke tempat lain.

"Malah, ia bukan hanya untuk wanita Muslim, tetapi juga bagi bukan Muslim," ujarnya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas merasmikan Program Gempak Inspirasi@Sepagi bersama PPWS (Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak) di Wisma SABATI di sini, semalam.

Nancy menjelaskan, program KasihnITa juga sudah bermula di Kuala Lumpur dan akan diperluaskan secara berperingkat.

Katanya, ia bagi memastikan lebih ramai ibu tunggal mendapat akses kepada keadilan dan hak anak-anak mereka.

"Saya pasti ia akan dijalankan ke negeri lain dan sebenarnya ia sudah mula dilaksanakan di Kuala Lumpur, yang kita gunakan zon," jelasnya.

Sementara itu, beliau turut menyentuh mengenai lawatan kerjanya ke Korea Selatan baru-baru ini di mana beberapa pendekatan positif di negara tersebut boleh diterapkan di Malaysia, khususnya dalam memperkasakan wanita melalui teknologi.

"Kita mahu menggalakkan lebih ramai wanita di Malaysia menguasai teknologi termasuk kecerdasan buatan (AI).

"Pada masa sama, ibu bapa perlu memantau penggunaan gajet anak-anak supaya AI dimanfaatkan dengan cara yang betul.

"Kita tidak boleh mengelak daripada arus AI ini, tetapi kita mesti belajar dan memanfaatkannya demi penambahbaikan dalam kehidupan kita," katanya.

Tambah Nancy, kementeriannya komited memastikan masyarakat Malaysia, khususnya golongan wanita, tidak ketinggalan dalam era digital dan transformasi teknologi global.

# KasihnITa launched in Sarawak to support single mums claiming child maintenance

BY AILEEN YAP ON AUGUST 16, 2025, SATURDAY AT 6:04 PM — SARAWAK



*Nancy (front, third right) officiates the launch of the 'Inspiring Impact Programme @ A Morning with PPWS' event. – Photo by Aileen Yap*

KUCHING (Aug 16): The Ministry of Women, Family and Community Development (KPWKM) has launched its Kasih Ibu Tunggal (KasihnITa) programme in Sarawak, starting with Kuching, to assist single mothers in claiming court-ordered child maintenance.

Minister Datuk Seri Nancy Shukri said the initiative is aimed at supporting single mothers in pursuing the legal process to claim child maintenance, especially in cases where former spouses fail to fulfil their obligations.

"Many single mothers are unaware of the proper channels to seek child support. With KasihnITa, we are providing guidance and support to help them claim their children's rights," she said.

She was speaking to reporters after officiating the 'Inspiring Impact Programme @ A Morning with PPWS' event organised by the Federation of Sarawak Women's Associations (PPWS) in collaboration with KPWKM at Wisma Sabati here today.

Nancy said the KasihnITa programme is built around three main modules: legal literacy, financial management, and self-development, aimed at equipping single mothers with the tools to become more resilient and independent.

"The programme has already started in Kuala Lumpur and will be gradually introduced across the country. Our aim is to ensure single mothers everywhere can access justice and safeguard their children's welfare," she added.

Reflecting on her recent working visit to South Korea, Nancy shared her observations of successful practices that could be adopted in Malaysia, particularly the use of technology to empower women.

"We want more women in Malaysia to embrace technology, including artificial intelligence (AI). At the same time, parents must supervise their children's use of gadgets to ensure AI is utilised positively. We cannot avoid the AI era, but we can learn and use it wisely to improve our quality of life," she said.

Also present at the event were National Population and Family Development Board (LPPKN) chairperson Dato Sri Rohani Abdul Karim; Women's Development Department director-general Hanani Sapit, who served as programme coordinator; and PPWS national chairperson Dato Norhayati Mohd Ismail.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | KPWKM RAMPS UP ACTION ON RISING NUMBER OF TEEN PREGNANCY CASES | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | THE SUNDAY POST |
| TARIKH | : | 17 OGOS 2025 | M/SURAT | : | 04 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# KPWKM ramps up action on rising number of teen pregnancy cases

**KUCHING:** The Ministry of Women, Family and Community Development (KPWKM) is intensifying awareness and education efforts in response to a rise in teenage pregnancies among girls under 18 this year.

Minister Datuk Seri Nancy Shukri regarded teenage pregnancy as 'a national issue requiring a comprehensive approach, focusing on reproductive health education and parental involvement'.

"We have a programme called 'Pekerti' (Reproductive and Social Health Education), which provides students and parents with essential knowledge about sexual and reproductive health.

"In 2020, we worked with the United Nations Population Fund (UNFPA) on a study that showed such education can reduce teenage pregnancies by up to 49 per cent, or about 1,800 births within five years," she told reporters when met after officiating at the 'Inspiring Impact Programme @ A Morning with PPWS' programme, organised by the Federation of Sarawak Women's Associations (PPWS) in collaboration with KPWKM, at Wisma Sabati here yesterday.

Nancy acknowledged that while some teenage pregnancy cases had been reported through the Ministry of Health, many more remained unreported.

"That's why, as a ministry, we take a proactive approach. Every programme we organise with the community is done in collaboration with various agencies to educate parents and students, especially in schools, on reproductive health," she said.

She added that KPWKM had submitted proposals to the National Social Council to expand reproductive health education in schools, pointing out that current coverage remained limited.

Nancy also emphasised the importance of family and community support in protecting teenagers from social risks.

"We continue to run programmes like KafeTEEN, which keep students positively engaged. This has long been a priority of mine, though at times we face financial constraints.

"Using my ministerial allocation, I've been able to support these efforts," she said.

# Nancy Shukri: Stronger reproductive health education needed to curb teenage pregnancies

BY AILEEN YAP ON AUGUST 16, 2025, SATURDAY AT 6:11 PM — SARAWAK



*Nancy speaks to the media after the launch of the 'Inspiring Impact Programme @ A Morning with PPWS' programme. – Photo by Aileen Yap*

KUCHING (Aug 16): The Ministry of Women, Family and Community Development (KPWKM) is intensifying awareness and education efforts in response to a rise in teenage pregnancies among girls under 18 this year.

Minister Datuk Seri Nancy Shukri said teenage pregnancy is a national issue that requires a comprehensive approach, focusing on reproductive health education and parental involvement.

"We have a programme called 'Pekerti' (Reproductive and Social Health Education), which provides students and parents with essential knowledge about sexual and reproductive health," she said.

"In 2020, we worked with the United Nations Population Fund (UNFPA) on a study that showed such education can reduce teenage pregnancies by up to 49 per cent, or about 1,800 births within five years."

She spoke to reporters after officiating the 'Inspiring Impact Programme @ A Morning with PPWS' programme, organised by the Federation of Sarawak Women's Associations (PPWS) in collaboration with KPWKM at Wisma Sabati here today.

Nancy noted that while some teenage pregnancy cases are reported through the Ministry of Health, many may go unreported.

"That's why, as a ministry, we take a proactive approach. Every programme we organise with the community is done in collaboration with various agencies to educate parents and students, especially in schools, on reproductive health," she said.

She added that KPWKM has submitted proposals to the National Social Council to expand reproductive health education in schools, pointing out that current coverage remains limited.

Nancy also emphasised the importance of family and community support in protecting teenagers from social risks.

"We continue to run programmes like KafeTEEN, which keep students positively engaged. This has long been a priority of mine, though at times we face financial constraints.

"Using my ministerial allocation, I've been able to support these efforts," she said.

Nancy further highlighted ongoing collaboration with non-governmental organisations (NGOs) such as PPWS and other relevant agencies to strengthen outreach and awareness campaigns.

"Addressing social challenges among teenagers requires a whole-of-nation and whole-of-community approach," she said.




*Datuk Seri Nancy Shukri merasmikan Program Gempak Inspirasi @ Sepagi Bersama PPWS di Wisma SABATI, Kuching pada Sabtu. Foto TVS*

# Program gempak inspirasi medium perkasa komuniti

*By* *TVS* **#bm, Berita Sarawak** **August 16, 2025** **2:46 PM**

KUCHING, 16 Ogos: Program Gempak Inspirasi anjuran Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak (PPWS) menjadi platform penting dalam memberi pendedahan kepada masyarakat mengenai fungsi agensi di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM).

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, program tersebut bukan sahaja menyebarluaskan perkhidmatan kerajaan, malah turut merangkumi perkongsian ilmu, sesi motivasi dan pembinaan jaringan komuniti.

"Program seperti ini memberi kesedaran kepada ibu bapa untuk meluangkan masa dan menggunakan peluang yang ada bagi menyemai nilai positif dalam diri anak-anak.

"Kita perlu menggunakan pendekatan menyeluruh, baik sebagai bangsa mahupun komuniti, untuk mendekati kanak-kanak agar mereka dapat menghadapi cabaran kehidupan hari ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Perasmian Program Gempak Inspirasi @ Sepagi Bersama PPWS di Wisma Sarawak Badan Amal Tenaga Isteri-Isteri (SABATI), Kuching, semalam.

Antara pengisian program termasuk ceramah kesihatan, ancaman serta langkah mengekang jenayah seksual dan siber selain perkongsian berkaitan pemerkasaan wanita dan sistem sokongan komuniti.

Program itu menarik penyertaan lebih 400 peserta terdiri daripada wanita pelbagai latar belakang serta pelajar sekolah menengah Tingkatan Satu hingga Tiga dari kawasan Parlimen Santubong (P193).

Kehadiran ramai peserta membuktikan sokongan positif terhadap peranan PPWS sebagai penghubung antara kerajaan dan masyarakat sekali gus memastikan manfaat program sampai ke semua lapisan komuniti.-TVS

# Tabika Tunas Istimewa@KEMAS perkukuh pendidikan awal kanak-kanak

Nasional - Dicipta: 16 Ogos 2025 06:37 PM



*Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berucap pada majlis perasmian projek rintis Tabika Tunas Istimewa@KEMAS di Masjid Tanah, Melaka.*

***MASJID TANAH, 16 Ogos*** - Tabika Tunas Istimewa@KEMAS merupakan antara 42 inisiatif baharu atau game changer yang diperkenalkan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW), bagi memperkukuh pembangunan modal insan desa melalui pendidikan awal kanak-kanak.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi yang juga Menteri KKDW berkata, program rintis itu bukan sahaja menekankan aspek pembelajaran, malah turut mengutamakan pembangunan sahsiah diri dan kemahiran digital kanak-kanak berkeperluan khas.

"Untuk fasa kedua tahun hadapan, kita akan laksanakan pendekatan satu negeri satu tabika khas. Bermula 2027, fasa ketiga menyasarkan satu daerah satu tabika, melibatkan penubuhan 126 tabika khas di seluruh negara yang mampu menampung seramai 1,764 kanak-kanak istimewa," katanya.

Beliau berucap pada majlis perasmian projek rintis Tabika Tunas Istimewa@KEMAS di Masjid Tanah, Melaka.

Bagi fasa pertama, tiga Tabika KEMAS berkeperluan khas telah dibuka iaitu Tabika KEMAS Air Hitam Pantai, Alor Gajah; Tabika KEMAS Hang Jebat, Melaka Tengah; dan Tabika KEMAS Merlimau Barat 2, Jasin, dengan kapasiti keseluruhan 42 murid.



AB Rauf menyantuni anak-anak istimewa di Tabika Tunas Istimewa, Ayer Hitam Pantai, Tanjung Bidara. Foto Iqmal Haqim Rosman

# 549 KANAK-KANAK BAWAH 6 TAHUN DI MELAKA DIDIAGNOS AUTISME

MOHAMAD FAZRUL ABDUL MAJID
SABTU, 16 OGOS 2025 @ 19:05

TANJUNG BIDARA 16 Ogos – Seramai 2,688 didiagnos autisme di Melaka merangkumi pelbagai peringkat umur, kata Ketua Menteri Datuk Seri Utama Ab Rauf Yusoh.

Menurut beliau, daripada jumlah itu, 549 daripadanya adalah kanak-kanak di bawah usia 6 tahun.

Ab Rauf berkata, setiap angka itu bukan sekadar data, tetapi mewakili seorang anak, sebuah keluarga, dan sebuah harapan pada masa akan datang.

"Justeru, kita sebagai sebuah kerajaan, wajib menyediakan ruang untuk mereka berkembang.

"Kita tidak boleh membiarkan mana-mana anak terpinggir hanya kerana keistimewaan mereka berbeza. Mereka berhak dirai, dibimbing dan diberi peluang yang adil yang pastinya bakal menjadi penyumbang kepada masa depan negara," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perasmian Program Tabika Tunas Istimewa @ KEMAS di Tabika Tunas Istimewa, Ayer Hitam Pantai yang disempurnakan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Utama Dr. Ahmad Zahid Hamidi, di sini, hari ini.

Hadir sama, Ketua Menteri Melaka Ke-12 Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali; Speaker Dewan Undangan Negeri Datuk Wira Ibrahim Durum; Setiausaha Kerajaan Negeri Dato' Azhar Arshad; Exco Kanan Perumahan, Kerajaan Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana negeri Datuk Rais Yasin; Exco Kemajuan Desa, Pertanian dan Keterjaminan Makanan negeri Datuk Dr. Muhamad Akmal Saleh; barisan Exco dan Timbalan Exco Kerajaan Negeri; ketua-ketua jabatan dan agensi serta lain-lain kenamaan.

Dalam pada itu, Ketua Menteri berharap Tabika Tunas Istimewa yang dimulakan di Melaka bajal menjadi model nasional dan membuka jalan kepada lebih banyak kejayaan pendidikan inklusif di seluruh Malaysia.

Beliau turut menyatakan komitmen untuk menyediakan lebih banyak ruang dan platform untuk membantu anak-anak istimewa di negeri ini menerusi pelbagai program khas yang memberi manfaat kepada mereka.

"Sebagai contoh, program Saringan Awal Anak Istimewa yang dijalankan baru-baru ini di DUN Duyong secara percuma merupakan antara usaha penting yang patut diperluaskan bukan sahaja ke seluruh negeri bahkan seluruh negara," tambah beliau.

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | BELA NASIB MAT SENTUL | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR : | METRO AHAD |
| TARIKH | : | 17 OGOS 2025 | M/SURAT : | 12 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR : | KPWKM |

# BELA NASIB MAT SENTUL

***Kerajaan Johor bakal salur bantuan buat pelawak legenda yang kini terlantar di rumah***

**Oleh Mary Victoria Dass**
am@hmetro.com.my

**Johor Bahru**

Kerajaan negeri akan berusaha bagi terus membantu keluarga pelawak legenda era 1950-an, Mat Sentul, 92, atau nama sebenar, Abd Rashid Yahaya termasuk membaik pulih rumah yang agak uzur.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Johor Khairin-Nisa Ismail berkata, pihaknya sudah menziarahi seniman itu serta anak lelaki yang berusia 63 tahun di Larkin di sini.

Beliau berkata, pihaknya mendapati lelaki bujang berkenaan memberi jagaan sepenuh masa kepada bapa uzur dan terlantar.

"Anaknya tidak bekerja kerana menjaga bapanya sejak 2020 iaitu selepas pelakon itu dimasukkan ke hospital akibat disyaki dijangkiti virus Covid-19 tahap tiga.

"Tanggungjawab besar ini dipikul dengan penuh sabar, dibantu oleh tiga adik-beradik lain yang masing-masing sudah berkeluarga dan tinggal berasingan dengan sumbangan RM500 sebulan bagi menampung keperluan asas," katanya.

Khairin-Nisa berkata, anak lelakinya menerima bantuan penjagaan OKU atau pesakit kronik terlantar (BPT) RM500 sebulan.

Bagaimanapun, katanya, kos penjagaan bapanya melebihi RM2,000 sebulan termasuk bagi pembelian lampin pakai buang, ubat dan susu khas.

"JKM Johor akan berusaha mendapatkan bantuan daripada Majlis Agama Islam Johor (MAIJ) bagi membaik pulih rumah yang agak uzur.

"Malah, kami juga akan berusaha mendapatkan bantuan lampin pakai buang," katanya ketika dihubungi.

Beliau berkata, walaupun terlantar, Mat Sentul masih kekal ceria.

"Sesekali beliau menghiburkan kami yang hadir dengan nyanyian dan gurauan, mengingatkan semua semangat positif tidak pudar walaupun diuji kesihatan," katanya.

Mat Sentul pernah membintangi beberapa filem. Antaranya, Mat Tiga Suku, Mat Bond, Mat Toyol, Mat Karong Guni dan Mat Magic.

Beliau juga pernah aktif menyumbangkan suara dalam penyiaran iklan televisyen dan radio seperti Jojo, Tora, Ding Dang dan Apollo.



MAT Sentul yang popular sebagai pelawak pada era 1950-an pernah membintangi beberapa filem. Antaranya, Mat Tiga Suku, Mat Bond, Mat Toyol, Mat Karong Guni dan Mat Magic.



MAT Sentul (kiri) pada zaman kegemilangannya. Gambar tahun 1979.

**"Anaknya tidak bekerja kerana menjaga bapanya sejak 2020 iaitu selepas pelakon itu dimasukkan ke hospital akibat disyaki dijangkiti virus Covid-19 tahap tiga"**

*Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Johor, Khairin-Nisa Ismail*

# Kerajaan negeri akan bantu keluarga Mat Sentul

Mary Victoria Dass
am@hmetro.com.my



KHAIRIN-Nisa Ismail mengunjungi pelakon veteran, Mat Sentul di Larkin di sini, Selasa lalu. FOTO Ihsan EXCO.

Johor Bahru: Kerajaan negeri akan berusaha bagi terus membantu keluarga pelawak lagenda era 1950-an, Mat Sentul, 92, atau nama sebenar, Abd Rashid Yahaya termasuk bagi membaik pulih rumah yang agak uzur.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Johor, Khairin-Nisa Ismail berkata, pihaknya sudah menziarahi seniman berkenaan serta anak lelakinya berusia 63 tahun di Larkin di sini.

Beliau berkata, pihaknya mendapati lelaki yang masih bujang itu memberi jagaan sepenuh masa kepada bapanya yang uzur dan terlantar.

"Anaknya tidak bekerja kerana menjaga bapanya sejak 2020, iaitu selepas pelakon itu dimasukkan ke hospital akibat disyaki dijangkiti virus Covid-19 tahap 3.

"Tanggungjawab besar ini dipikul dengan penuh sabar, dibantu oleh tiga adik-beradik lain yang masing-masing sudah berkeluarga dan tinggal berasingan, dengan sumbangan kira-kira RM500 sebulan bagi menampung keperluan asas," katanya.

Khairin-Nisa berkata, anak lelakinya menerima bantuan penjagaan OKU atau pesakit kronik terlantar (BPT) sebanyak RM500 sebulan.

Bagaimanapun, katanya, kos penjagaan bapanya melebihi RM2,000 sebulan termasuk bagi pembelian lampin pakai buang, ubat dan susu khas.

"JKM Johor akan berusaha mendapatkan bantuan daripada Majlis Agama Islam Johor (MAIJ) bagi membaik pulih rumah yang agak uzur.

"Malah kami juga akan berusaha mendapatkan bantuan lampin pakai buang," katanya ketika dihubungi.

Beliau berkata, walaupun terlantar, Mat Sentul masih kekal ceria.

"Sesekali beliau menghiburkan kami yang hadir dengan nyanyian dan gurauan, mengingatkan semua bahawa semangat positif tidak pernah pudar walaupun diuji kesihatan," katanya.

Mat Sentol pernah membintangi beberapa filem. Antaranya, Mat Tiga Suku, Mat Bond, Mat Toyol, Mat Karong Guni dan Mat Magic.

Beliau juga pernah aktif menyumbangkan suara dalam penyiaran iklan televisyen dan radio seperti Jojo, Tora, Ding Dang dan Apollo.

Disiarkan pada: Ogos 16, 2025 @ 11:58am

# 'Setiap malam tidur dalam ketakutan' - Wanita kongsi pengalaman dibuli 20 tahun lalu

SITI NOOR FAEZAH MUDA Follow

16 Ogos 2025 08:40am



Hajar.

SHAH ALAM - Pengalaman pahit dibuli pada usia muda masih menghantui seorang wanita meskipun ia berlaku hampir dua dekad lalu.

Hajar Johari, 28, berkata, walaupun masa telah berlalu, kenangan itu tetap segar seolah-olah ia baru sahaja berlaku semalam.

Katanya, segalanya bermula pada tahun pertama persekolahannya di Tingkatan Satu di sebuah sekolah menengah agama bukan asrama penuh.

"Pada awalnya, saya menyangka kehidupan di sekolah itu akan berjalan lancar. Namun, selepas hanya dua minggu, segalanya berubah. Dalam tempoh enam bulan, saya melalui hari-hari penuh ketakutan dan tekanan, sehingga memaksa saya berkeras dengan ibu bapa untuk memohon pertukaran sekolah.

"Keadaan bertambah begitu teruk sehingga saya terpaksa mengugut ibu bapa jika tidak dipindahkan, saya akan membunuh diri. Ancaman itu bukan kerana mahu menarik perhatian, tetapi jeritan minta tolong daripada seorang remaja yang sudah berada di titik akhir kekuatan mental," katanya kepada Sinar Harian.

Hajar berkata, kisah hitam itu bermula apabila seorang rakan sekelas meluahkan rasa rendah diri kerana memiliki kulit yang sedikit gelap.

Ujarnya, dengan hati ikhlas, dia cuba memberi kata-kata motivasi agar rakannya tidak terus tertekan.

"Namun, niat baik itu disalah erti. Rakan itu membawa cerita berbeza kepada 'kakak angkat' di asrama, memutarbelitkan keadaan sehingga mencetuskan kemarahan pelajar senior. Dari situ bermulalah episod buli yang panjang dan memeritkan.

"Macam-macam cara mereka lakukan pada saya. Pernah satu ketika, saya disuruh duduk di tengah dewan seorang diri. Lebih 30 senior mengelilingi saya, memaki hamun, mentertawaka, dan mengherdik tanpa belas kasihan. Banyak kali saya dipanggil hanya untuk dihina beramai-ramai. Setiap hari saya datang sekolah dengan hati berdebar, takut bila lagi saya akan menjadi sasaran," katanya.

Menurut wanita tersebut, enam bulan itu bukan sekadar sukar tetapi menjadi luka emosi yang mendalam.

Setiap malam, katanya, tidur dengan rasa takut dan ketika pagi bangun dengan rasa ingin menghilang dari dunia.

Bagi Hajar, buli bukan perkara kecil yang boleh dianggap sebagai lumrah sekolah atau adat budak-budak. Ia adalah penderaan — sama ada secara fizikal atau mental — yang meninggalkan kesan jangka panjang.

"Ramai mangsa buli membesar dengan masalah keyakinan diri, trauma sosial dan kemurungan. Buat pembuli, Hajar mengingatkan, ALLAH Maha Adil. Kalau tidak terkena pada kita, mungkin suatu hari akan terkena pada ahli keluarga atau anak kita sendiri. Jangan pernah rasa kebal dengan doa orang yang teraniaya.

"Kepada ibu bapa, sekiranya anak mengadu dia dibuli, dengar, percaya dan ambil tindakan. Jangan cakap 'alah, biasa la tu.' Mental dan emosi anak akan tercalar sampai bila-bila. Jangan biarkan anak melawan seorang diri.

"Buat mangsa buli, beranikan diri. Kalau boleh lawan, lawan. Kalau tak mampu, simpan bukti. Bawa kepada ibu ayah, abang atau kakak dan laporkan kepada pihak yang sepatutnya. Kalau perlu, pindah sekolah. Jangan kekal di situ dan biarkan diri terus disakiti," titipnya.

# Kerana terdesak, ibu minta anak jual tisu demi kelangsungan hidup

Mary Victoria Dass
am@hmetro.com.my



KHAIRIN-Nisa (kanan) mengunjungi keluarga seorang wanita di PPR Melana Indah, Selasa lalu. FOTO Ihsan JKM

Johor Bahru: Bukan mengabai atau tidak mempedulikan keselamatan anak, namun seorang ibu kepada lima cahaya mata terdesak untuk mendapatkan bantuan anak-anaknya menjual tisu demi kelangsungan hidup.

Perkara itu didedahkan seorang wanita yang bekerja sebagai penghantar makanan selepas video anak-anaknya menjual tisu di hadapan sebuah kedai serbaneka di bandar raya ini tular di media sosial.

Wanita berusia 34 tahun itu mengaku tidak mengabaikan anak sebaliknya memantau pergerakan mereka dari dalam kereta sambil menjaga bayinya berusia 24 bulan.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat Johor Khairin-Nisa Ismail berkata, video anak wanita berkenaan tular di media sosial pada 5 Ogos lalu.

Menurutnya, susulan itu pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mengunjungi keluarga itu di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Melana Indah di sini, pada 7 Ogos lalu.

"Kehadiran kanak-kanak itu menjual tisu di tempat awam mencetuskan kebimbangan orang ramai yang turut membuat aduan kepada JKM.

"Pegawai Pejabat Kebajikan Masyarakat Johor Bahru termasuk seorang pelindung membuat lawatan.

"Hasil temubual mendapati keluarga ini mempunyai lima anak termasuk tiga daripadanya bersekolah berusia 9, 8 dan 6 tahun, manakala dua lagi masih kecil," katanya ketika dihubungi.

Khairin-Nisa berkata, ibu kepada kanak-kanak berkenaan bekerja sebagai penghantar makanan dengan pendapatan sekitar RM400 sebulan.

"Dia juga menerima beberapa bentuk bantuan termasuk Bantuan Kanak-Kanak JKM dan bantuan Majlis Agama Islam Johor (MAIJ).

"Wanita itu menyatakan empat anaknya membantu menjual tisu bagi menambah pendapatan keluarga.

"Pada hari kejadian (video tular), wanita berada di dalam kereta untuk menyusukan anak bongsu, sementara anaknya meneruskan jualan tisu di hadapan kedai serbaneka," katanya.

Beliau berkata, bagaimanapun perbuatan berkenaan merupakan eksploitasi kanak-kanak di bawah Akta Kanak-Kanak 2001.

"Kami juga membuat kunjungan susulan pada Selasa lalu. Menerusi lawatan itu, pihak Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) turut menasihatkan anak-anak supaya tidak lagi menjual tisu.

"Anak-anaknya yang bersekolah menerima Rancangan Makanan Tambahan (RMT) di sekolah bagi memastikan mereka mendapat makanan sewajarnya setiap hari persekolahan.

"Wanita itu dinasihatkan agar tidak membawa anak-anak ketika bekerja selepas ini.

"Pemantauan berterusan akan dilakukan bersama pihak sekolah bagi memastikan kebajikan dan keselamatan kanak-kanak sentiasa terjamin," katanya.

Difahamkan, wanita itu dalam proses bercerai dengan suami yang turut bertindak menghilangkan diri selepas kelahiran anak bongsu.

Disiarkan pada: Ogos 16, 2025 @ 2:00pm

# Lelaki intai wanita dalam tandas didenda

Published on: Saturday, August 16, 2025
By: Jo Ann Mool



Kesalahan itu didakwa mengikut Seksyen 8(1)(e) Ordinan Kesalahan-Kesalahan Kecil Sabah yang memperuntukkan denda RM25 atau penjara sehingga seminggu, jika sabit kesalahan.

**KOTA KINABALU:** Seorang lelaki berusia 22 tahun didenda RM25 atau penjara tiga hari oleh Mahkamah Majistret di sini kerana mengintai seorang wanita di tandas awam sebuah pusat beli-belah minggu lalu.

Terence Thien mengaku bersalah di hadapan Majistret Marilyn Kelvin atas pertuduhan memasuki tandas wanita di tingkat bawah Star City, Asia City, dan menyebabkan kegusaran kepada seorang wanita berusia 25 tahun sekitar jam 6 petang 7 Ogos lalu.

Kesalahan itu didakwa mengikut Seksyen 8(1)(e) Ordinan Kesalahan-Kesalahan Kecil Sabah yang memperuntukkan denda RM25 atau penjara sehingga seminggu, jika sabit kesalahan.

Menurut pihak pendakwaan, pengadu berada di dalam salah satu bilik tandas apabila menyedari ada seseorang berdiri di luar pintu, dengan hanya kelihatan sepasang kaki.

Apabila keluar, pengadu melihat Thien berlari meninggalkan tandas. Dia cuba mengejarnya tetapi tidak berjaya.

Pengadu kemudian meneliti rakaman CCTV di bilik kawalan bangunan yang mengesahkan kemasukan dan keluar Thien dari tandas wanita.

Kira-kira 20 minit kemudian, pengadu ternampak Thien di tingkat satu, membawanya semula ke bilik kawalan CCTV untuk pengecaman, sebelum menghubungi polis yang membawa kepada penangkapannya.

Dalam kes berasingan, seorang wanita berusia 22 tahun, Dayang Nurasymira, diperintahkan membayar denda RM1,500 atau penjara sebulan kerana terbabit dalam perjudian dalam talian di tempat awam.

Dayang mengaku bersalah atas kesalahan yang dilakukan di sebuah kedai kopi di Taman Nelly, Kolombong, pada 22 Julai lalu, jam 6.30 petang.

Dia didakwa mengikut Seksyen 7(2) Akta Rumah Judi Terbuka 1953 yang memperuntukkan denda sehingga RM5,000 atau penjara sehingga enam bulan atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Dalam serbuan polis di lokasi terbabit, Dayang ditahan dan laporan pakar mengesahkan peralatan yang dirampas digunakan untuk kegiatan perjudian dalam talian.

Kes dikendalikan oleh Inspektor Yusdi Basri.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 3 PEGAWAI POLIS DISIASAT JIPS | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | METRO AHAD |
| TARIKH | : | 17 OGOS 2025 | M/SURAT | : | 07 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

## #JusticeForZara tercetus akibat kegagalan patuh SOP

**Kota Kinabalu:** "Gelombang #JusticeForZara tidak akan tercetus jika siasatan awal dijalankan mengikut prosedur operasi standard (SOP) dan undang-undang sejak hari pertama kematian Zara," tegas barisan peguam yang mewakili keluarga Allahyarham Zara Qairina Mahathir.

Dalam kenyataan media bersama semalam, peguam-peguam itu menzahirkan sokongan terhadap langkah Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) Bukit Aman yang membuka Kertas Siasatan Tatatertib (KST) ke atas tiga pegawai polis masing-masing berpangkat superintendan, asisten superintendan polis (ASP) dan inspektor kerana didakwa tidak mematuhi SOP ketika mengendalikan siasatan.

"Kami memohon supaya tindakan tegas diambil terhadap pegawai-pegawai polis terbabit sekiranya terbukti berlaku ketidakpatuhan SOP siasatan.

"Kami berharap gelombang #JusticeForZara menjadi peringatan kepada semua termasuk pihak berkuasa agar memastikan setiap kes kematian meragukan disiasat dengan mengikut SOP sejak tarikh laporan maklumat pertama diterima," katanya.

Peguam Hamid Ismail bersama rakan guamannya Shahlan Jufri, Rizwandean Borhan, Mohd Luqman Syazwan Zabidi, Mohd Syarulnizam Mohd Salleh dan Farrah Nasser itu turut menegaskan mereka masih menunggu tarikh permohonan inkues diadakan dari Jabatan Peguam Negara.

Terdahulu, Timbalan Ketua Polis Negara Tan Sri Ayob Khan Mydin Pitchay memaklumkan JIPS Bukit Aman membuka KST terhadap ketiga-tiga pegawai berkenaan.

Sebelum ini juga, media melaporkan tindakan tegas akan dikenakan ke atas pegawai penyiasat dan penyelianya susulan dapatan hasil siasatan pasukan Task Force Bukit Aman bahawa terdapat ketidakpatuhan kepada prosedur siasatan.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Datuk M Kumar dipetik berkata, pasukan Task Force bermula pada 11 Ogos lalu dan hasil penemuan awal mendapati ketidakpatuhan kepada prosedur siasatan yang mana pegawai penyiasat tidak membuat permohonan untuk proses bedah siasat.

KES ZARA QAIRINA

# 3 PEGAWAI POLIS DISIASAT JIPS

Oleh Noor Hidayah Tanzizi
hidayah.tanzizi@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) Bukit Aman akan menjalankan siasatan tatatertib terhadap tiga pegawai polis bertugas di Sabah yang terbabit dalam siasatan awal kematian pelajar tingkatan satu, Zara Qairina Mahathir.

Timbalan Ketua Polis Negara Tan Sri Ayob Khan Mydin Pitchay berkata, pihaknya akan membuka kertas siasatan tatatertib (KST) dan menghantar pasukan JIPS ke Sabah untuk tindakan lanjut.

Menurutnya, siasatan akan dijalankan terhadap Ketua Polis Daerah berpangkat Superintendan, Ketua Bahagian Siasatan Jenayah berpangkat asisten superintendan (ASP) dan pegawai penyiasat berpangkat inspektor.

"JIPS akan ambil keterangan semua dan kita akan buka kertas tatatertib. JIPS akan pergi dalam masa sehari dua ini.



*JIPS akan ambil keterangan semua dan kita akan buka kertas tatatertib"*

**Ayob Khan**

"Kesemua pegawai berkenaan masih bertugas," katanya pada majlis Pelancaran Buku Antologi Puisi Makan Suap terbitan Persatuan Pemuisi Nasional Malaysia (PEMUISI) di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) di sini, malam kelmarin.

Ayob Khan berkata, siasatan dilakukan JIPS adalah daripada aspek penyeliaan kes berkenaan dan ia juga akan dijalankan secara menyeluruh untuk tindakan selanjutnya.

Katanya, tindakan tegas wajar diambil terhadap mereka yang gagal melaksanakan tanggungjawab penyeliaan dan mendapatkan siasatan menyeluruh.

"Mereka kena bertanggungjawab, tindakan tegas akan diambil terhadap pihak atau pegawai bertanggungjawab untuk menyelia, memantau kertas siasatan, pegawai kita tak ambil tindakan, yang tidak buat penyeliaan kita akan ambil tindakan," katanya.

Terdahulu, media melaporkan tindakan tegas akan dikenakan ke atas pegawai penyiasat dan penyelianya susulan dapatan hasil siasatan pasukan Task Force Bukit Aman mendapati terdapat ketidakpatuhan kepada prosedur siasatan membabitkan kematian Zara Qairina.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Datuk M Kumar dipetik berkata, pasukan Task Force bermula pada 11 Ogos lalu dan hasil penemuan awal mendapati terdapat ketidakpatuhan kepada prosedur siasatan di mana pegawai penyiasat tidak membuat permohonan untuk proses bedah siasat.

Menurutnya, sehubungan itu, tindakan tegas akan diambil kepada pegawai penyiasat dan penyelia kerana tiada penyeliaan.

Sebelum ini, media melaporkan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Tun Datu Mustapha Limauan di Papar dipercayai terjatuh dari tingkat tiga dan ditemui tidak sedarkan diri dalam longkang berhampiran asrama jam 4 pagi pada 16 Julai lalu.

Remaja berusia 13 tahun itu kemudian disahkan meninggal dunia selepas menerima rawatan di Hospital Queen Elizabeth I di Kota Kinabalu.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 'KAMI SEMUA NANGIS KETIKA ITU' | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | METRO AHAD |
| TARIKH | : | 17 OGOS 2025 | M/SURAT | : | 06 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Polis siasat akaun TikTok muat naik kandungan tak sahih

**Kuala Lumpur:** Polis sedang menyiasat satu akaun media sosial TikTok yang disyaki memuat naik kandungan tidak tepat dan tidak sahih berhubung kes kematian pelajar tingkatan satu Zara Qairina Mahathir sehingga menimbulkan kebimbangan dalam kalangan masyarakat.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman Datuk M Kumar berkata siasatan dijalankan mengikut Seksyen 4(1) Akta Hasutan 1948, Seksyen 505(b) Kanun Keseksaan dan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

"Ia membabitkan kesalahan penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian dan perkhidmatan rangkaian serta kandungan yang mempunyai kecenderungan menghasut kebencian terhadap mana-mana pihak, selain boleh menyebabkan kegusaran dan kegentaran awam.

"Penyebaran maklumat tidak sahih juga boleh menjejaskan kelancaran serta keberkesanan proses siasatan polis," katanya, semalam.

Beliau turut menyeru orang ramai menghentikan tindakan menyebarkan maklumat tidak sahih kerana boleh menimbulkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat.

Zara Qairina disahkan meninggal dunia di Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu, Sabah pada 17 Julai selepas dimasukkan ke hospital setelah dijumpai dalam keadaan tidak sedarkan diri di dalam longkang berhampiran asrama Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Tun Datu Mustapha, Papar pada 4 pagi, 16 Julai.

KES ZARA QAIRINA

# 'KAMI SEMUA NANGIS KETIKA ITU'

**Oleh Juwan Riduan**
am@hmetro.com.my

**Tenom**

"Kami sudah bersedia berdepan keadaan jasad yang sukar dilihat kerana sudah 23 hari dikebumikan...tapi kuasa Allah tunjukkan sesuatu yang luar biasa. Jasad arwah Zara masih utuh, sempurna dan tidak berbau."

Demikian perkongsian seorang individu yang terbabit secara langsung dalam pengurusan jenazah Allahyarham Zara Qairina Mahathir ketika berucap pada Himpunan Solidariti Zara di Padang Tenom, malam kelmarin.

Katanya, pada awalnya dia dan rakan-rakan tidak merancang untuk berada di hadapan himpunan itu sebaliknya hanya mahu hadir memberi sokongan di belakang.

"Patutnya kami datang duduk belakang saja. Tapi waktu solat tadi, kami terserempak dengan Ahli Parlimen Tenom, Riduan Rubin, beliau terus bawa kami ke depan dan beri satu slot untuk bercakap.

"Jadi saya anggap ini pilihan Allah SWT untuk saya jelaskan keadaan sebenar," katanya.

Menurutnya, sebaik menerima arahan menggali semula, mereka sudah dimaklumkan oleh pihak forensik dan doktor mengenai keadaan jenazah selepas lebih tiga minggu dikebumikan.

"Bayangkan, 23 hari. Kami sudah bersedia untuk berdepan dengan jasad yang sudah rosak. Malah, kami sudah diberi taklimat. Apa pun yang ada, termasuk tulang, isi dan kulit, perlu dikumpulkan serta dibungkus semula dengan kain kafan.

"Tapi Allah SWT tunjukkan kuasanya. Bila papan liang diangkat, jasad arwah masih utuh dan sempurna. Kain kafan masih elok. Kami semua menangis ketika itu kerana tidak percaya dengan apa yang dilihat," katanya sambil disambut takbir orang ramai.

> "Kami sudah sedia berdepan dengan jasad yang sudah rosak"

Katanya, lebih mengejutkan, meskipun semua anggota memakai pakaian perlindungan diri (PPE), mereka membuka pelitup muka kerana menyangka akan berdepan bau busuk.

"Tapi tiada sebarang bau. Seolah-olah arwah baru saja dikebumikan. Inilah pengalaman paling besar yang saya lalui," katanya.

Beliau turut berkongsi kenangan menguruskan jenazah Allahyarham sejak dari Hospital Queen Elizabeth Kota Kinabalu hingga ke liang lahad.

"Sejak hari pertama Zara meninggal dunia, setiap perjalanan jenazahnya diiringi hujan. Dari hospital, ke masjid, hinggalah ke tanah perkuburan. Begitu juga ketika penggalian semula.

"Saya sendiri membawa jenazahnya balik, diiringi lebih 50 kereta. Bayangkan, kalah VVIP. Di setiap daerah, setiap zon, ada orang menunggu di tepi jalan. Saya kira lebih 23 kumpulan," katanya.

Menurutnya, Zara sejak kecil dikenali sebagai anak yang menjaga solat, aurat dan sentiasa mengingatkan kawan-kawan untuk menunaikan ibadah.

"Dia mula jaga solat sejak darjah tiga. Sebab itu bagi saya, pengalaman ini mengingatkan kita semua bahawa takdir Allah SWT itu benar. Seperti firman Allah SWT dalam Surah Al-Baqarah ayat 154, orang yang mati syahid tidaklah mati, sebaliknya mereka hidup di sisi Allah SWT, cuma kita tidak mengetahuinya," katanya.

Lebih 5,000 orang membanjiri Padang Tenom malam kelmarin dalam himpunan berkenaan membawa plakad, kain rentang dan sepanduk menuntut keadilan buat Allahyarham Zara.

Suasana sebak menyelubungi padang apabila rakaman video, bacaan doa dan ucapan peribadi seperti itu diperdengarkan, sementara laungan *Justice for Zara* bergema dari ribuan hadirin.

Zara Qairina meninggal dunia pada 17 Julai lalu di Hospital Queen Elizabeth (HQE), Kota Kinabalu sehari selepas ditemui tidak sedarkan diri di asrama sekolahnya di Papar.




SEBAHAGIAN orang ramai yang menyertai solidariti *Justice for Zara* buat Allahyarham Zara Qairina Mahathir, malam kelmarin.